

23 OCT 2000

Mahathir-Putrajaya

CYBERJAYA TIDAK TERMASUK DALAM KAWASAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

BANTING, 23 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata cadangan menjadikan Putrajaya sebagai sebuah Wilayah Persekutuan tidak melibatkan kawasan lain seperti Cyberjaya.

"Ia cuma Putrajaya sahaja, tak termasuk Cyberjaya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Megasteel Sdn Bhd, kilang besi keluli jalur panas pertama di Malaysia berharga RM2.5 billion di sini.

Beliau berkata ia akan dilaksanakan apabila diluluskan kerajaan negeri Selangor.

"Kita kena tunggu," katanya.

Sebelum ini Menteri Besar Selangor Datuk Dr Mohamed Khir Toyo berkata satu mesyuarat Exco kerajaan negeri akan diadakan pada 7 Nov khusus untuk membincangkan cadangan menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan itu.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan perkara itu akan dijadikan isu oleh pembangkang, Dr Mahathir berkata bagi pembangkang apa juga perkara boleh dijadikan isu.

"Kalau kita bagi dia duit satu jutapun dia (pembangkang) kata 'tengoklah ni bagi satu juta saja... patut dua juta.' Pembangkang tidak pernah berterima kasih," kata Perdana Menteri.

"Kita bagi apa dekat diapun, dia kritik juga. Semua jadi isu," katanya.

Menyentuh tentang kemungkinan kawasan Dewan Undangan Negeri akan hilang apabila Putrajaya dijadikan Wilayah Persekutuan, Dr Mahathir berkata: "Kita boleh adakan kawasan Dewan Undangan Negeri lain, macam Kuala Lumpur."

Dr Mahathir juga turut ditanya mengenai cadangan kajian semula Akta Kesihatan Mental 1952 berikutan beberapa kejadian jenayah yang membabitkan pesakit mental sejak kebelakangan ini.

Beliau berkata kerajaan memang berhasrat untuk mewujudkan satu akta baru membabitkan isu kesihatan mental.

Menurutnya rang undang-undang berkenaan akan dibentangkan di Parlimen apabila siap nanti.

Ditanya tentang kemungkinan ia dibentangkan pada sesi Parlimen yang sedang bersidang, Dr Mahathir berkata masa yang ada tidak mencukupi untuk berbuat demikian.

-- BERNAMA

MAM AZH AHH NMO